

NO. SOALAN:14

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN:

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B)
[Lumut] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan
mewujudkan satu Akta yang melarang ajaran Syiah diamalkan di Malaysia
demi kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia dalam jangka panjang.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dengan mengambil langkah-langkah yang serius dalam membendung dan menangani isu-isu berkaitan penyelewengan akidah demi kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia. Kesalahan berkaitan akidah dan kesucian agama Islam telah pun diperuntukkan dalam EnakmenKesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri.

Ia selaras dengan ketetapan di bawah Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah bidang kuasa negeri.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, sehingga kini, sebanyak 12 buah negeri kecuali Sabah dan Sarawak telah mewartakan fatwa laranganajaran Syiah untuk disebar kandikalangan orang-orang yang beragama Islam. Manakala negeri Sabah dan Sarawak telah mengeluarkan fatwa laranganajaran Syiah dan dalam proses pewartaan.

Kerajaan berpandangan bahawa buat masa kini, peruntukan sedia ada dapat membendung dan mengekang ajaran Syiah serta apa-apa amalan atau doktrin yang boleh merosakkan akidah umat Islam melalui penguatkuasaan undang-undang yang sentiasa diperkemaskan.

Sekian, terima kasih.